

31/08/2002

Kerjasama erat komponen BN majukan negara

Kadir Dikoh

KINI, generasi pra-Dasar Ekonomi Baru (DEB) semakin tua. Generasi yang dibangunkan DEB sudah dewasa. Generasi pasca DEB mula dewasa dan mahu suara mereka didengar. Generasi pasca DEB atau generasi Wawasan 2020 ini, sudah tidak sama dengan generasi sebelumnya, terutama dari segi pendekatan.

Ungkapan berbentuk sindiran atau teguran "kami lebih dulu makan garam" oleh mereka yang lebih tua, sudah tidak dihiraukan generasi zaman teknologi maklumat (IT).

"Cucu saya cuma merenung ke arah muka saya bila saya kata macam itu. Dia dengar dan tahu maksud itu, tapi buat selamba. Saya takut mereka lupa asal-usul.

"Mereka lupa jasa pemimpin dulu dan sekarang, mereka lupa erti kemerdekaan. Inilah membimbangkan saya," kata seorang pemimpin veteran seketika dulu.

Lebih malang lagi, apabila segala usaha dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dulunya dikenali sebagai Perikatan, bagaikan diperlekeh oleh sesetengah pihak. Budaya terima kasih sudah tiada.

"Mana-mana kerajaan pun terpaksa membawa pembangunan untuk rakyat dan negara." Itulah lazimnya kedengaran di kalangan pihak yang menentang kerajaan, BN atau Umno.

Mereka mungkin lupa, tanpa pengorbanan dan wawasan pemimpin BN dulu dan sekarang, Malaysia tidak mungkin sehebat sekarang sehingga dihormati pemimpin asing.

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra disanjung kerana sifat merendah dirinya sebagai seorang putera raja; Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein kerana dedikasinya terhadap pembangunan; Allahyarham Tun Hussain Onn kerana penghormatannya terhadap hukum dan undang-undang manakala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana wawasan dan kegigihannya.

Walaupun tidak semua matlamat DEB tercapai, ia berjaya mengubah landskap politik, sosial dan ekonomi negara. Hari ini, hidup rakyat jauh lebih makmur, negara selamat dan rakyat bersatu padu.

Inilah hasil nikmat kestabilan politik negara dan pandangan jauh pemimpin BN. Konsep kerjasama antara kaum yang dipelopori Perikatan dan kemudian BN, berjaya memacu pembangunan negara sehingga Malaysia kini muncul antara negara membangun yang paling maju di dunia.

Kita boleh merujuk kepada peristiwa yang menjadi titik tolak kepada semua kejayaan ini. Ia bermula pada 1952 iaitu setengah abad lalu apabila falsafah pertama penubuhan parti Perikatan mula dibentuk.

Pada awal 1950-an, ketika masih di bawah penjajahan, pemimpin berusaha untuk menggerakkan rakyat bagi memberi tekanan kepada British supaya memerdekakan Tanah Melayu. Masalah utama ketika itu ialah bagaimana mahu mewujudkan gerakan politik rakyat agar mereka dapat menentukan masa depan sendiri.

Ketika itu, kecuali penubuhan Umno pada 1946, tidak ada penyertaan beramai-ramai rakyat dalam parti politik. Malah, tidak terlintas dalam fikiran kebanyakan orang ketika itu mengenai perlunya parti politik dan pilihan raya bagi mendapatkan kuasa.

Bagaimanapun, pada 1952, semua itu berubah. Pilihan raya pertama bagi merebut kerusi majlis perbandaran di Kuala Lumpur diadakan. Umno menyertai pilihan raya itu bagi mewakili orang Melayu. Begitu juga orang Cina dan India.

Ia adalah satu permulaan yang baik dan menjelang pilihan raya Persekutuan pada 1955, MIC menyertai Perikatan. Maka, ketiga-tiga kaum utama di Tanah Melayu sudah bernaung di bawah satu payung. Apa yang berlaku selepas itu menjadi sejarah penting apabila Perikatan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum pertama itu dengan menguasai 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Pada 1974, Perikatan semakin berkembang dengan bertambahnya penyertaan parti lain sama ada di Semenanjung mahupun dari Sabah dan Sarawak. Namanya pun bertukar kepada BN dan terus mencapai kemenangan dalam setiap pilihan raya umum.

Rakyat perlu mengucapkan terima kasih kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan pemimpin Umno lain, pemimpin MCA dan MIC terdahulu, kerana mempunyai wawasan dengan melihat jauh ke arah masa depan.

Parti Perikatan ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj kerana beliau percaya kaum di Malaysia perlu bekerjasama dan berkongsi nasib yang sama, berkongsi kekayaan negara dan dengan cara itu lebih baik daripada mana-mana kaum cuba merebut semuanya untuk kaumnya. Memang wujud perasaan pada waktu itu di antara kaum di Malaysia bahawa mereka harus ambil semua untuk diri mereka.

Orang Melayu dan Cina juga ingin mendapat semuanya bagi diri mereka saja. Sebab itu orang Melayu begitu ekstrim sekali pada pandangan mereka pada waktu itu. Orang Cina pula secara langsung atau tidak secara langsung bersimpati dan menyokong dengan gerakan gerila yang cuba menawan Malaysia untuk dirikan sebuah negara komunis.

Tetapi berkat sifat dan pandangan yang ada pada Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj kerjasama antara orang Cina dan Melayu dapat dijalin dengan baik dan kemudian penduduk keturunan India bergabung parti mereka dengan parti orang Cina, iaitu MCA dan parti orang Melayu, Umno, untuk tubuhkan Perikatan. Ini adalah satu pendekatan politik yang amat bijak.

Sejak merdeka lagi, politik negara amat stabil kecuali terganggu oleh peristiwa 13 Mei 1969. Kemudian keadaan kembali tenang apatah lagi dengan kemasukan beberapa parti politik ke dalam gabungan BN seperti Gerakan dan Pas. Bagaimanapun, Pas kemudian dikeluarkan daripada BN tetapi kerajaan BN tetap terus memerintah.

Memang benar ada kala BN kalah di negeri tertentu seperti Kelantan, Sabah dan di Terengganu, tetapi walau kalah pada peringkat negeri, pada peringkat pusat, BN terus berkuasa. Sabah sudah kembali dikuasai BN.

Ini bukti betapa suburnya demokrasi di negara ini walaupun ada pihak cuba mencabulinya.

Konsep kerjasama ala BN diiktiraf dunia sebagai konsep terbaik. Ramai yang hairan dan kagum melihat bagaimana pelbagai parti dalam BN dapat mengadakan kerjasama.

"Ramai pemimpin negara asing telah bertanya kepada saya bagaimanakah kita dapat uruskan satu gabungan 14 parti. Sebenarnya mengadakan 14 parti dalam BN adalah jauh lebih baik dan mudah diurus daripada dua parti dalam satu gabungan.

"Ini kerana kalau kita ada dua parti, apa yang berlaku ialah sebuah parti yang menang dengan besar tetapi tidak mencukupi untuk mendirikan kerajaan akan menjemput sebuah parti kecil hanya untuk menambah bilangan kerusi supaya parti itu dapat cukup bilangan untuk mendirikan kerajaan," kata Dr Mahathir ketika merasmikan konvensyen BN di Kuala Lumpur tahun lalu.

Sebaliknya parti gabungan seperti BN dapat memenangi lebih 2/3 kerusi dalam Dewan Rakyat dan tidak mudah diugut oleh mana-mana parti komponen kerana kalau mana-mana parti komponen cuba keluar daripada BN, kerajaan BN tidak akan jatuh kerana ia mempunyai cukup kerusi untuk memerintah. Dengan kerana itu kerjasama antara 14 parti jauh lebih mudah daripada dua parti.

Hari ini, dalam Dewan Rakyat ada 27 kerusi dimenangi Pas. Keadilan dapat lima kerusi. Dua negeri iaitu Kelantan dan Terengganu dikuasai Pas.

Pada pilihan raya umum akan datang, parti pembangkang dijangka terus mengasak BN. Apakah BN akan dapat merampas kembali dua negeri Pantai Timur itu? Dapatkah BN mengekalkan majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat, lebih-lebih lagi dengan pertambahan kerusi Parlimen baru?

Hakikatnya, BN perlu pendekatan baru untuk terus menambat hati rakyat terutama generasi Wawasan 2020.

Kita harus ingat bahawa masyarakat yang ada di Malaysia sekarang tidak sama dengan masyarakat yang berjuang untuk kemerdekaan atau masyarakat semasa baru merdeka.

Kita sudah merdeka 45 tahun dan dalam jangka masa ini ramai yang sudah lahir dan membesar, kini memainkan peranan dalam masyarakat serta politik negara.

Generasi yang baru ini tidak kenal penderitaan, tidak tahu susah. Mereka celik mata dan mereka lihat bangunan pencakar langit di sekeliling mereka. Mereka dilahirkan di dalam hospital canggih dengan doktor pakar yang terdiri daripada orang Malaysia. Mereka dapat ke sekolah dengan mudah, dapat biasiswa, pelajaran dan segala kemudahan.

Mereka dapat melihat dunia yang berbeza sama sekali dengan dunia sewaktu mencapai kemerdekaan. Mereka anggap segala-gala ini adalah perkara biasa. Ia terjadi dengan sendirinya tanpa perlu diusahakan oleh sesiapa.

Sesetengah daripada generasi muda ini tidak mengiktiraf kejayaan BN membangunkan negara. Sebaliknya ada di antara mereka yang berpendapat bahawa mana juga kerajaan akan berjaya bangunkan seperti yang BN bangunkan Malaysia. Inilah kepercayaan generasi yang baru ini.

Mereka percaya bahawa dunia mereka terjamin, terjamin aman dan terjamin makmur dan mereka tetap akan mendapat pekerjaan yang membayar gaji yang lumayan kepada mereka. Justeru mereka tidak perlu lagi kepada politik kerjasama BN. Mereka lebih utamakan perjuangan yang bermacam-macam asasnya sehingga tidak ada persefahaman antara mereka walaupun daripada satu kaum atau di antara kaum.

Inilah keadaan masyarakat sekarang ini. Untuk menangani masyarakat ini, BN perlu membentuk pendekatan baru. BN tidak boleh lagi ada dalam keadaan hanya bekerjasama sewaktu pilihan raya atau acara tertentu saja.

Dr Mahathir sendiri pernah menyatakan bahawa BN perlu melihat kerjasama sepanjang masa, pada semua peringkat - pusat, negeri, kawasan pilihan raya dan cawangan.

"Kerjasama erat perlu dijalin antara semua anggota BN, mereka perlu adakan lebih banyak mesyuarat bersama dan tidak hanya menumpu kepada mesyuarat parti masing-masing saja. Mereka harus kurangkan tekanan kepada perwakilan atau anggota mereka yang terdiri daripada kaum tertentu, sebaliknya ambil kira kaum lain juga.

"Wakil rakyat yang terdiri daripada BN walaupun datang dari parti atau kaum tertentu perlu beri perhatian terhadap kaum lain di kawasan mereka dan parti lain yang terdapat dalam kawasan mereka. Sekarang ini kita dengar banyak yang tidak senang hati dengan wakil rakyat BN kerana tiap-tiap seorang wakil rakyat menumpukan perhatian hanya pada kaumnya, tidak membuat lawatan, bertemu, dan mendengar rintihan daripada kaum yang lain. Tidak pun menyertai mesyuarat sebagai tetamu di mesyuarat parti komponen," katanya.

Keadaan itu tidak sihat dalam keadaan masyarakat sekarang dan BN perlu merenung kenyataan Dr Mahathir itu supaya BN terus relevan walaupun selepas hampir separuh abad kita merdeka.